



Info
Jabatan



UNIT AGAMA ISLAM

Unit Agama Islam (UAI) ditubuhkan pada Julai 2003. Unit ini bertanggungjawab membangunkan modal insan seimbang bersama-sama dengan pusat pengajian dan jabatan lain di KUKUM pada ketika itu (sekarang UniMAP). Secara terperinci unit ini agak berbeza fungsinya dari sudut perkhidmatan ilmu yang tidak memfokus kepada bidang-bidang pengkhususan tertentu. Secara umum boleh dikatakan unit ini menawarkan perkhidmatan yang lebih bersifat kebajikan seperti menyelaras aktiviti kemasyarakatan keagamaan, khidmat nasihat dan sebagainya.

MISI

Menjadikan pusat kecemerlangan dan perkhidmatan yang memartabatkan agama Islam dan akan mengintegrasikan ilmu, iman dan amal.

VISI

Sebagai model pusat perkhidmatan yang unggul dalam menerapkan idealisme dan dinamik Islam.

MATLAMAT UNIT AGAMA ISLAM :

Selaras dengan Misi UniMAP untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara, UAI memainkan peranan sebagai unit yang memberikan perkhidmatan yang menekankan aspek kekuatan aqidah, ketrampilan diri, personaliti dan akhlak yang unggul sesuai dengan status mahasiswa kejuruteraan sebagai golongan ilmuan, cendekiawan dan intelektual.

Untuk mencapai matlamat tersebut Unit Agama Islam akan:

- Merancang aktiviti mahasiswa yang berbentuk kecemerlangan sahsiah dan kecemerlangan akademik yang selari dengan misi dan visi UniMAP untuk menjadikan lepasan UniMAP lebih berakhlak mulia.
- Merancang aktiviti yang dapat menggalakkan dan memberi peluang kepada semua warga kampus untuk mempraktik dan menghayati agama Islam yang syumul dan kamil mengikut acuan al Quran dan as Sunnah.
- Merancang, menganjur, menyelaras dan mengendalikan aktiviti bagi tujuan pendidikan, penyebaran, pengembangan dan percambahan ilmu, kemajuan ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah serta kemahiran beribadah kepada semua warga kampus.
- Menyediakan khidmat profesional dan perundingan kepada warga kampus dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

(YADIM), Institut Dakwah Islam (PERKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JHEAIPs), Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis serta Pusat-Pusat Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam urusan keagamaan.

- Memberi kefahaman kepada orang yang bukan Islam tentang ajaran Islam yang sebenar.
- Memupuk semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.



AKTIVITI UMUM UNIT AGAMA ISLAM

Aktiviti

1. Majlis bacaan doa akhir tahun dan awal tahun
2. Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UniMAP
3. Ceramah Agama sempena Minggu Suai Kenal
4. Kursus Pengurusan Jenazah
5. Majlis Ibadah Korban Dan Akikah @ UniMAP
6. Program Ihya Ramadhan :
 - Ceramah Motivasi Ramadhan
 - Tadarrus al Quran
 - Risalah Ramadhan
 - Ceramah / Forum Agama sempena Nuzul al Quran
 - Program Solat Jumaat bersama Masyarakat Perlis
 - Majlis Tilawah Al Quran peringkat UniMAP
 - Ihtifal Ihya' Ramadan @ UniMAP
 - Pertandingan Nasyid antara Jabatan
 - Majlis Khatam Al-Quran
 - Kutipan Zakat
 - Majlis Berbuka Puasa Kolej Kediaman
 - Talkshow Muslimah
 - Jejak Kampus D` Ulu Pauh